



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	27/7/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	JPNK			

Lelaki dipercayai diupah BH, 27 Jul rata hutan simpan ditahan 2021 26

1.2 hektar tanah dibersihkan secara haram untuk tanaman pokok getah

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Jabatan Perhutanan Kedah menahan seorang lelaki kelmarin dipercayai mengambil upah meratakan Hutan Simpan Kekal Bukit Payung, di Kubang Pasu, secara haram untuk menanam pokok getah.

Pengarahnya, Muhamad Abdullah, berkata dalam serbuan jam 10.30 pagi, lelaki tempatan berusia 42 tahun itu ditahan ketika sedang mengendali jentera.

"Pasukan bertugas jabatan membuat serbuan selepas menerima aduan awam dan pemeriksaan mendapati kira-kira 1.2 hektar tanah diratakan dipercayai dilakukan sejak empat hari lalu.

"Akibat kegiatan meratakan tanah dan memusnahkan pokok hutan secara haram, kerugian dianggarkan mencecah RM50,000," katanya dalam kenyataan semalam.



Hutan Simpan Kekal Bukit Payung, Kubang Pasu yang sudah diratakan secara haram dipercayai untuk menanam pokok getah. (Foto ihsan Jabatan Perhutanan Kedah)

Muhamad berkata, lelaki terabit dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu untuk siasatan lanjut pihaknya.

Katanya, sebuah jentera digunakan untuk kerja merata dan membersihkan tanah turut disita untuk membantu siasatan.

"Kes ini akan disiasat mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 iai-

tu mengikut Seksyen 81(1)(b) kerana menebang, memotong, mengelang, menanda, menutuh atau menoreh pokok atau merosakkan dengan api.

"Jika bersalah, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Muhamad berkata, kes itu turut

disiasat mengikut Seksyen 81(1)(g) kerana mencerooboh hutan simpan kekal dan Seksyen 47(1) kerana memasuki hutan tertutup tanpa kebenaran.

Katanya, sabit kesalahan boleh didenda masing-masing tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.